



Bersikap Sabar dan Pemaaf

Sayangi diri sendiri sebelum menyayangi orang lain.

Bertenang Sebelum Melakukan Tindakan

Pada suatu malam, keluarga Hasnan telah menghadiri majlis kekeluargaan dan meninggalkan rumahnya kosong. Keadaan persekitaran begitu sunyi. Seorang pencuri telah cuba memasuki rumah Hasnan melalui jendela berdekatan rumah Alideen. Kebetulan Azeem, anak Alideen menyedari kehadiran pencuri yang tak disangka-sangka itu.





Alideen, Manaf dan Junaidi perlahan-lahan pergi ke rumah Hasnan dengan membawa lampu picit, sebatang kayu dan tali. Dengan pantas pencuri itu dapat ditangkap. Mereka bercadang untuk menyerahkan pencuri tersebut kepada pihak polis. Alangkah terkejutnya mereka apabila mendapati pencuri tersebut adalah seorang budak berusia 13 tahun.



Sabar Hasnan. Maafkanlah budak itu. Dia pun masih bersekolah. Lebih baik kita telefon orang tuanya.



Rasanya itu lebih elok. Terima kasih kerana melindungi saya dari musibah. Kalau tidak, saya pun tidak tahu apa yang akan terjadi.

Saya berasa bertuah mendapat jiran seperti kamu.

Bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.



GLOSARI

Abiskita - kamu semua.
Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing (Peribahasa) bererti susah senang sama-sama ditanggung

Sekembalinya Hasnan, dia terkejut melihat lampu rumahnya yang menyala. Dia tambah terkejut melihat Alideen berdiri di hadapan rumahnya

Ada apa Alideen?

Tenang Hasnan. Tadi rumah kamu dimasuki pencuri, tapi Alhamdulillah, pencuri itu sudah berjaya kami tangkap.

Hasnan berlari masuk dan dengan marah hendak memukul pencuri itu.

SOALAN 1. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

sulit

perkara

kesalahan

berbuat

dendam

ucapkanlah

manusia

menghina

terpuji

muslim

Islam sebenarnya mengajarkan akhlak kepada umat _____ untuk saling menghormati, menghargai, toleransi terhadap sesama manusia. Akhlak merupakan suatu masalah yang sangat asas bagi setiap peribadi _____ dalam kehidupan sehari-hari yang mampu mewarnai segala sikap dan perilakunya baik ketika berhubungan dengan manusia maupun ketika berhubungan dengan alam sekitar.

Islam juga melarang kita untuk _____ dan mengejek antara sesama, kerana belum tentu yang dihina itu lebih buruk daripada yang menghina. Musthafa al-Adawy dalam bukunya menerangkan bahawa, "jika seseorang melontarkan makian atau tuduhan kepada anda maafkanlah dan _____ kata-kata yang baik. Jika seseorang bersikap tidak baik terhadap anda, maka Allah akan tetap membantu anda jika anda memberi maaf dan tetap _____ baik.

Jika seseorang menganiaya anda, maka maafkanlah". Pemaaf merupakan salah satu akhlak _____, ada sebahagian orang beranggapan bahwa meminta maaf itu mudah, namun tidak semua dapat memaafkan. Terkadang memang ada benarnya, memaafkan memang bukan _____ yang mudah. Namun perlu diperhatikan, jika kita _____ memaafkan, maka akan banyak _____ di hati kita, terlebih kita akan sulit melupakan _____ orang lain terhadap apa yang diperbuat kepada kita.

SOALAN 2. Mengasingkan kesan orang yang tidak sabar dan tidak pemaaf secara umum.

Mengakibatkan sifat pendendam	Jiwa tidak tenang
Tidak disenangi orang lain	Mudah mengambil keputusan yang salah dan mengakibatkan kekesalan pada masa hadapan
Putus silaturahmi jikalau tiga hari berturut-turut tidak bertegur sapa.	Menyakitkan hati orang lain
Tidak ramai kawan	Menyebabkan stress lalu mendatangkan penyakit.
Bukan sebagai contoh yang baik atau pemimpin yang baik.	Mengganggu ketenangan orang lain

Kesan orang yang tidak sabar secara umum.	Kesan orang yang tidak pemaaf secara umum.

